

# INSAF



## **Cetakan 2017**

Hak cipta terpelihara @2017 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

ISBN: 978-981-11-1614-8

## **Diterbitkan oleh:**

Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Akademi Guru Singapura  
Kementerian Pendidikan Singapura  
Lelaman Internet: [www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg](http://www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg)



## **Dicetak pada tahun 2017 oleh:**

Oxford Graphic Printers Pte Ltd  
Tel: 6748 3898  
[www.oxfordgraphic.com.sg](http://www.oxfordgraphic.com.sg)

## **Penulis**

Arfah Buang, Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura  
Hidayat Hamzah, Sekolah Rendah Gan Eng Seng  
Khaziah Yem, Sekolah Rendah Eunos  
Marliana Mohamed Rashid, Sekolah Rendah Telok Kurau  
Rahmat Subadah, Pusat Bahasa Melayu Singapura

## **Catatan**

Cerita yang terkandung dalam buku ini tiada kaitannya dengan sesiapa baik yang masih hidup atau pun yang sudah meninggal dunia. Pendapat dan pandangan penulis tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandangan Pusat Bahasa Melayu Singapura.

## **Sekapur Sirih**

**Benih** merupakan koleksi cerpen yang dihasilkan oleh kumpulan guru peserta program penyerapan ke Pekanbaru, Riau Indonesia pada tahun 2016. Cerpen-cerpen dihasilkan bagi menggalakkan murid agar minat membaca khususnya dalam kalangan murid Darjah 5 dan 6.

Penyediaan bahan bacaan yang berkualiti amat penting untuk memupuk minat membaca dalam kalangan murid. Melalui bahan bacaan yang luas dan pelbagai, murid mampu meluaskan pengetahuan, kosa kata, dan pandangan mereka tentang kehidupan.

Oleh itu, tema yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen ini pelbagai bagi memenuhi kematangan dan cita rasa murid yang disasarkan. Bahasa yang digunakan pada umumnya mudah difahami. Namun terdapat usaha untuk meluaskan kosa kata murid dengan memperkenalkan beberapa perkataan yang mampu memperkaya kosa kata mereka. Cerpen-cerpen ini juga mengandungi unsur-unsur nilai bagi membina sahsiah, jati diri dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan sejagat.

Diharapkan **Benih** akan menjadi pemangkin kepada keinginan untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan murid.

Selamat membaca!

## **Mohamed Noh Daipi**

Pengarah Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Akademi Guru Singapura  
Kementerian Pendidikan Singapura

## Prakata

Koleksi cerpen ini dihasilkan oleh para guru yang terlibat dalam Program Penyerapan bagi Guru Kanan ke Pekanbaru pada bulan Mei 2016. Projek penulisan cerpen ini dilaksanakan bagi menggalakkan dan memupuk minat membaca dalam kalangan murid.

Pelbagai tema dikupas bagi meningkatkan kesedaran murid tentang kehidupan. Antara tema yang dikupas dan dipersembahkan dalam bentuk cerpen ini termasuklah tema persahabatan, kejujuran, perjuangan, berbuat baik, sikap tidak berputus asa dan kesetiaan.

Beberapa idea pengajaran dan soalan-soalan perbincangan disediakan bagi setiap cerpen untuk menggalakkan perbincangan dalam kalangan murid. Beberapa strategi bagi meningkatkan penglibatan murid dalam pembelajaran semasa membaca cerita turut diperkenalkan.

Selain itu, nilai-nilai yang dipaparkan dalam setiap cerpen diharapkan dapat membangun jiwa insan murid-murid kita dan mengukuhkan jati diri mereka sebagai pengguna bahasa Melayu yang berkesan.

Semoga buku ini dapat dimanfaatkan oleh para guru dan menjadi bahan bacaan yang menyeronokkan bagi murid.

Rahmat Subadah  
Guru Pakar, Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Ketua projek pembinaan koleksi cerpen **Benih**

**INSAF**

**Khaziah Yem**

**A**mirul. Itulah nama anak muda yang mengalami satu kejutan dalam hidupnya sehingga membawa perubahan yang besar terhadap sikapnya.

Amirul seorang anak tunggal yang hidup mewah bersama ibu bapanya, Tuan Herman dan Puan Suri. Hidup Amirul boleh dikatakan mewah. Rumah teres tiga tingkat yang didiaminya ialah hasil usaha ibu bapanya membina syarikat makanan ringan mereka sendiri. Amirul ialah anak emas Tuan Herman dan Puan Suri. Amirul ditatang bagi minyak yang penuh. Pendek kata, segala kemewahan hidup dapat dinikmati Amirul. Dia tidak pernah merasa kesusahan hidup.

Ibu bapa Amirul ingin memberikan kehidupan yang

terbaik kepada Amirul. Namun, kesibukan mereka menyebabkan Amirul kurang kawalan dan didikan yang kukuh. Amirul membesar sebagai seorang anak yang angkuh dan sompong. Amirul hanya mahukan yang terbaik. Dia suka membazir terutama sekali makanan. Ibu bapa Amirul amat menyesali sikap Amirul. Mereka juga kesal kerana terlalu sibuk sehingga terabai tanggungjawab mereka. Kesibukan membangunkan syarikat menyebabkan mereka mengambil jalan mudah dengan mengajikan pembantu rumah untuk menguruskan hal rumah dan keperluan Amirul.

Amirul sering bersikap biadab kepada pembantu rumahnya. Ibu bapanya tidak menyedari akan sikap Amirul sehinggalah mereka melihat dengan mata kepala mereka sendiri. Waktu itu, Amirul berumur 10 tahun.

"Bibik... Bibik! Apa yang Bibik masak ni?" jerit Amirul pada satu petang sambil menolak makanan di atas meja sehingga bertabur di lantai.

"Ada apa Amirul," jawab pembantu rumah dengan nada takut.

"Masakan yang Bibik masak tak sedap!"

"Saya tidak mahu makan. Bibik masak yang lain," kata Amirul dengan penuh angkuh.



Berderau darah Puan Suri mendengar kata-kata yang keluar daripada mulut anak kesayangannya. Pada hari itu, Puan Suri cuti sakit. Dalam diam, Puan Suri sering memerhatikan sikap Amirul dan memberitahu suaminya. Tuan Herman telah cuba menasihati Amirul tetapi tidak **diendahkan**. Mereka menjadi buntu dengan sikap Amirul.

Semasa Amirul belajar di Darjah 5, dia berpeluang untuk mengikuti program penyerapan ke Vietnam anjuran sekolahnya. Mereka ke sana dengan matlamat untuk membina sebuah perpustakaan di sebuah rumah anak yatim piatu. Walaupun Amirul agak keberatan untuk pergi kerana risau tidak dapat menyesuaikan diri, dia akur apabila kawan-kawannya memujuknya.


Sekembalinya Amirul dari Vietnam, perangai Amirul berubah. Dia lebih banyak berdiam diri di dalam biliknya. Apabila ditanya, Amirul hanya berkata tidak ada apa-apa. Puan Suri telah bertemu dengan guru sekolah Amirul untuk menolongnya **mencungkil** penyebab perubahan pada diri Amirul.

Cikgu Hasan, guru Bahasa Melayu Amirul, telah dimaklumkan. Cikgu Hasan telah mendapatkan seorang murid yang rapat dengan Amirul, Murad untuk menolongnya mendapat maklumat yang diperlukan.

Pada waktu rehat, semasa di kantin sekolah, Murad cuba bertanya kepada Amirul, "Amirul, maaf ya aku tanya sedikit."

"Tanyalah," jawab Amirul sambil meneguk segelas air Milo.

"Aku nak tanya. Kenapa sejak balik dari Vietnam, engkau diam sahaja? Perangai engkau banyak berubah," tanya Murad dengan berhati-hati. Dia takut kalau-kalau Amirul **tersinggung** dengan pertanyaannya.



Amirul tidak cepat menjawab. Dia menghabiskan air milonya. Setelah itu, dia menatap muka Murad dan duduk menghadapnya dengan tenang.


“Oh, engkau hendak tahu kenapa. Betul engkau hendak tahu?”

“Eh, memanglah aku hendak tahu. Sebab itu aku bertanya,” kata Murad cuba berjenaka.

“Baiklah. Aku akan ceritakan.”

“Ceritanya begini. Semasa aku dan kumpulan aku makan tengah hari di sebuah restoran semasa berada di Vietnam, aku meminta izin Cikgu untuk ke tandas. Tandas itu terletak di bahagian belakang restoran. Aku ternampak di sebelah tandas itu ada seorang wanita yang sedang **mengendong** anaknya. Mereka sungguh **daif**. Mula-mula aku jijiklah tengok mereka. Aku takut terkena penyakit. Oleh itu, aku mengintip sahaja kerana aku ingin tahu apa yang dilakukan oleh perempuan itu.”

“Aku dapati dia sedang mencari-cari sesuatu di dalam sebuah tong sampah yang terletak di sebelah tandas itu. Dia tidak sedar aku memerhatikan perbuatannya. Tiba-tiba aku lihat dia memasukkan sesuatu ke dalam mulutnya. Aku fikir dia akan memakannya. Tetapi apa yang dilakukan oleh perempuan itu telah mengejutkan aku. Dia telah mengeluarkan makanan di dalam mulutnya dan memberikan makanan itu kepada anak yang dikendongnya.”



Murad mendengar cerita Amirul dengan mulut yang **melopong**. Murad juga terkesan dengan cerita Amirul. "Sungguh mulia hati perempuan itu ya Amirul," kata Murad.

"Ya. Aku lihat dengan mata kepala aku sendiri bagaimana kasih seorang ibu terhadap anaknya. Aku melihat sendiri seorang insan yang menghargai makanan sedangkan aku... Aku insaf. Aku terlalu angkuh. Malahan

aku terlalu meminta-minta itu dan ini. Aku malu dengan diri aku sendiri. Aku malu dengan Ibu dan Ayah. Aku juga malu dengan Bibik. Aku telah banyak menyusahkan mereka dan berlaku biadab." Kata-kata Amirul disambut oleh esakan Murad. Ternyata, Murad juga tersentuh dengan cerita Amirul.

"Sebab itu aku tidak dapat berhadapan dengan Ibu, Ayah dan Bibik. Aku malu dan tidak tahu bagaimana untuk menjelaskan hal itu kepada mereka," kata Amirul dengan penuh hiba.

"Amirul, engkau tidak perlu malu dengan Ibu dan Ayah engkau. Mereka tentu akan berasa bangga. Apa kata kalau kita minta tolong Cikgu Hasan. Tentu dia akan membantu engkau. Cikgu Hassan sudah biasa berbual dengan ibu bapa kita."

Amirul memandang muka Murad dengan mata yang **berbinar**. Dia tersenyum gembira.

## **Renungan**

Kesibukan dan kemewahan kadangkala melupakan kita tentang banyak perkara. Kita lupa untuk bersyukur atas nikmat yang diperolehi.

Apakah renungan kamu mengenai pengalaman yang dilalui oleh Amirul semasa di Vietnam?

## **Glosari**

1. **diendahkan** – dipeduli
2. **mencungkil** – mengorek, mengeluarkan
3. **tersinggung** – terasa hati
4. **mengendong** – membawa barang dengan dibungkus dalam kain
5. **daif** – hina, lemah, serba kekurangan
6. **melopong** – menganga (mulut)
7. **berbinar** – bersinar-sinar

## **SEKALUNG BUDI**

Akar keladi melilit selasih,  
Selasih tumbuh di hujung taman;  
Kalungan budi junjungan kasih,  
Mesra kenangan sepanjang zaman.

Terima kasih diucapkan kepada Pusat Bahasa Melayu Singapura yang telah menyediakan wadah bagi penerbitan koleksi cerpen **Benih**.

Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua guru yang telah menyumbangkan karya cerpen mereka dalam penerbitan koleksi cerpen **Benih**.

Terima kasih juga kepada Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu atau MLLPC kerana telah mentauliahkan program penyerapan bagi Guru Kanan bahasa Melayu Singapura dan membolehkan para guru mengikuti program penyerapan yang mencetuskan idea bagi penerbitan koleksi cerpen **Benih**.

Dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak dalam penerbitan dan lahirnya koleksi cerpen **Benih** sebagai wadah dan bahan bacaan bagi murid di sekolah rendah di Singapura.





Ministry of Education  
SINGAPORE

